

Dedikasi syarat calon Kubang Pasu

UM 2 2 NOV 2002

JITRA 21 Nov.— Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, bakal calon Barisan Nasional (BN) yang akan bertanding di kawasan Parlimen Kubang Pasu dalam pilihan raya umum akan datang haruslah seorang yang rapat dengan rakyat, dedikasi serta bebas daripada politik wang.

Selain itu kata bekas Perdana Menteri calon berkenaan juga mestilah seorang yang rajin bekerja dan ikhlas untuk berkhidmat kepada rakyat.

Beliau menegaskan, kriteria tersebut

perlu ada pada sesiapa sahaja calon yang terpilih kerana ia merupakan kehendak para pengundi di kawasan berkenaan.

“Calon yang berdedikasi, yang bekerja, yang rapat dengan rakyat, yang ikhlas dan tak main duit, itu yang depa (penduduk) mahu,” katanya.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Kubang Pasu berkata demikian kepada pemberita ketika ditanya tentang kriteria calon BN apabila kerusi kawasan itu dikosongkan kelak berikutan keputusan

beliau untuk tidak bertanding lagi pada pilihan raya umum akan datang.

Terdahulu, beliau yang diiringi isteri, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali dan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain menyampaikan sumbangan Hari Raya Aidilfitri kepada 60 pesakit di wad kanak-kanak, lelaki dan perempuan di Hospital Jitra dekat sini.

Ditanya kemungkinan berlaku perebutan bagi kerusi Kubang Pasu, Dr. Mahathir berkata, perebutan tidak akan membawa kebaikan kepada parti.